



MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM PENDIDIKAN MORAL

Tajuk: Harga Diri sebagai Warganegara

Nilai Teras: Hormat-menghormati

Konteks: Diri

Masa: 1 jam

SK: 2.2 Tanggungjawab Diri

SP: 2.2.1 Menyenaraikan tanggungjawab diri

2.2.2 Menjelaskan dengan contoh cara melaksanakan tanggungjawab diri

Literasi Sivik

Pengetahuan:

Menjelaskan peranan dan tanggungjawab dalam menjaga maruah negara

Sosioemosi:

Menunjukkan perasaan syukur kerana dapat menjaga maruah negara

Tindakan:

Mengamalkan tingkah laku yang dapat menjaga maruah negara

Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Guru membahagikan murid kepada empat kumpulan.
2. Setiap kumpulan dibekalkan dengan kertas sebak dan pen penanda pelbagai warna.



3. Murid diarahkan untuk membina peta minda tentang cara melaksanakan tanggungjawab diri.
4. Hasil kerja setiap kumpulan akan dibentangkan oleh ketua kumpulan.

Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Guru memberikan kertas kosong kepada setiap murid.
2. Murid dikehendaki menulis diari tentang tanggungjawab diri.
3. Hasil diari tersebut akan dibaca kepada rakan sebelah, mereka akan bertukar-tukar diari tanggungjawab diri.
4. Guru akan memilih secara rawak diari tersebut dan meminta murid membawa diari tanggungjawabnya untuk dibacakan di hadapan rakan-rakan yang lain.

Aktiviti Literasi Sivik 3

1. Guru memberikan kad manila kepada setiap kumpulan.
2. Guru meminta murid mencipta cogan kata yang menggambarkan tanggungjawab diri.
3. Hasil kerja setiap kumpulan akan dilekatkan di belakang kelas.

Refleksi: (Diisi oleh guru sebaik-baik sahaja selesai pengajaran)